

## KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 30 SEPTEMBER 2022

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 32

### JCorp, Sojitz bekerjasama kurangkan jejak karbon

## JCorp, Sojitz bekerjasama kurangkan jejak karbon

**Kuala Lumpur:** Johor Corporation (JCorp), cabang pelaburan negeri Johor dan Sojitz Corporation yang berpangkalan di Jepun akan menjalankan kajian kebolehlaksanaan bersama mengenai penyahkarbonan melalui penggunaan bahan api hidrogen di negeri itu.

Presiden dan Ketua Eksekutif JCorp, Datuk Syed Mohamed Syed Ibrahim berkata banyak tekanan telah dikenakan terhadap sektor logistik untuk mengurangkan jejak karbonnya.

“Kerjasama dengan Sojitz ini adalah langkah tepat ke arah memajukan ekonomi kita daripada penggunaan bahan api berasaskan fosil kepada tenaga alternatif.

“Ia bukan sahaja pelaburan untuk bertahan pada masa hadapan dan memberikan kemampuan kepada perniagaan JCorp tetapi juga untuk memacu ekonomi baharu untuk Jo-

hor dan memenuhi komitmen alam sekitar, sosial dan tadbir urus kami dalam mewujudkan tenaga yang lebih hijau untuk industri dan generasi akan datang,” katanya dalam kenyataan.

Syed Mohamed berkata kerjasama itu akan menyumbang kepada pembangunan rantaian bekalan hidrogen di Johor dan rantau ini.

Terdahulu, JCorp, yang diwakili oleh JLand Group Sdn Bhd menandatangani memorandum persefahaman dengan Sojitz diwakili oleh ibu pejabat serantaunya untuk Asia dan Oceania, Sojitz Asia Pte Ltd.

Di bawah MoU itu, kedua-dua syarikat akan bekerjasama dalam beberapa inisiatif penyahkarbonan, antara lain adalah untuk mewujudkan rantaian bekalan yang lestari dalam bahan api hidrogen daripada pengimportan ammonia.